

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober /November 1996

HMT 301 Morfologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Kenalpasti morfem di dalam data berikut. Justifikasikan setiap morfem dalam data menggunakan keenam-enam prinsip Nida.

pelajar	mata	jaga kehormatan (kata kerja)
bertengkar	olahragawan	daratan
menulis	guru sekolah (jamak)	mengebom
seniman	buah-buahan	peramai
memancing	semak latihan (kata kerja)	melarikan
mata-mata	peragut	susu lembu
mengantuk	berduaan	biduan/biduanita
semak-samun	menyerupai	seniwati
olahragawati	timbangan	awangan
susu badan	jaga bank (kata nama)	ibu bapa (jamak)

2. Bagi setiap sembilan hubungan yang dijelaskan di bawah, berikan dua imbuhan (sama ada awalan, akhiran, atau apitan) yang menyatakan perkaitan kategori yang dihuraikan.

$$\begin{array}{lll} \text{KN} \rightarrow \text{KJ} & \text{KJ} \rightarrow \text{KN} & \text{Kadj} \rightarrow \text{KN} \\ \text{KN} \rightarrow \text{KAdj} & \text{KJ} \rightarrow \text{KAdj} & \text{Kadj} \rightarrow \text{KJ} \\ \text{KN} \rightarrow \text{KN} & \text{KJ} \rightarrow \text{KJ} & \text{Kadj} \rightarrow \text{KAdj} \end{array}$$

Nota: ‘ \rightarrow ’ menandakan ‘menghasilkan’

2 imbuhan yang dipilih mesti membolehkan anda:

- [i] mengimbuahkan kepada kata akar
[ii] mengimbuahkan kepada kata dasar terbitan.
3. Lukiskan rajah struktur konstituen kata bagi **LIMA** perkataan berikut. Berikan juga fitur morfologi yang sesuai bagi setiap lapisan imbuhan di dalam rajah itu.

- [a] ketidaktahuan
- [b] jejaka pilihan hati
- [c] keterlanjuran
- [d] mempermain-mainkan
- [e] mempelbagaikan
- [f] penyusunansemula
- [g] perempuan jalanan.

4. Perhatikan kata yang bergaris di dalam ayat-ayat berikut:

- [a] Alia telah memecahkan gelas itu.
- [b] Alia terpecahkan gelas itu.
- [c] Gelas itu terpecah.
- [d] Gelas itu sudah pecah.
- [e] Gelas itu telah dipecahkan oleh Alia.

Analisis kata yang bergaris berdasarkan bentuk dan fungsi morfem yang terdapat di dalam sesuatu kata tersebut. Kemudian bincangkan makna kata yang berhasil akibat proses pengimbuhan. Juga bincangkan makna setiap ayat dan seterusnya bandingkan makna ayat itu dengan makna ayat-ayat lain (a - b).

(Nota: Jawapan anda harus mengambilkira masukan leksikon untuk setiap kata kerja tersebut.)

5. Bincangkan definisi endosentrik dan eksosentrik kata majmuk daripada segi sintaksis dan semantik. Gunakan contoh setiap kata majmuk berikut untuk menyokong definisi anda khususnya untuk mengenalpasti elemen kepala (inti) di dalam kata majmuk tersebut.

buang daerah	polisi pandang timur	pendatang asing	bumiputera
mahaguru	perdana menteri	kajibumi	gulung tikar
berat tulang	panjang tangan	hisap darah	ke muka
ke luar	jolok mata	temuduga	tolak tepi
acap kali	dahulu kala	minggu depan	sama sekali

6. [i] Ramli Salleh (1985) mengatakan bahawa acuan asas pengimbuhan Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

$$X^n \rightarrow X^{\text{imb}} Y^n$$

$$X^n \rightarrow Y^n X^{\text{imb}}$$

$$X^n \rightarrow X^{\text{imb}} Y^n X^{\text{imb}}$$

di mana:

'n' merupakan kata atau akar

'Y' merupakan kata dasar

Huraikan andaian ini dengan memilih satu jenis golongan kata (sama ada kata nama, kata kerja, ataupun kata adjektif).

- [ii] Ramli Salleh (1985) juga mengatakan bahawa imbuhan sentiasa merupakan kepala di dalam struktur yang berimbuhan. Adakah anda bersetuju dengan andaian ini? Sokong pendirian anda dengan contoh kata daripada golongan kata yang telah anda pilih di dalam bahagian [i].

--oo00000--